

Program pembangunan perlu ada nilai tambah – PM

UM - 5/5/2007.

MELBOURNE 4 Mei – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, usaha berterusan menambah nilai semua program pembangunan negara perlu dilakukan bagi memastikan Malaysia dapat bersaing dengan negara-negara lain.

Perdana Menteri berkata, seiring dengan itu, usaha membangunkan modal insan serta mengurangkan jurang perbezaan antara kaum dan dalam bidang ekonomi perlu dilakukan secara berterusan supaya matlamat negara akan tercapai untuk mewujudkan mutu kehidupan lebih baik.

“Usaha membangunkan negara tidak ada kesudahannya. Sekalipun kita mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju, tugas untuk membaiki lagi kedudukan kita perlu diteruskan,” katanya kepada 300 pelajar Malaysia di sini hari ini.

Abdullah yang berada di sini untuk lawatan kerja dua hari sejak semalam, juga meminta golongan muda supaya berusaha lebih keras untuk memajukan negara supaya Malaysia mampu bersaing dengan negara-negara maju.

Mengimbau kembali pembangunan di Malaysia, beliau berkata, negara bermula dari tahap sifar semasa Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri pertama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, dan dari situ, ia mulai meniti kejayaan demi kejayaan dengan menambah nilai kepada program dan aktiviti yang dijalankan.

Abdullah berkata, kemajuan di Malaysia sekarang tertumpu kepada ekonomi berasaskan pengetahuan yang menghendaki rakyat menjadi lebih inovatif dan kreatif.

“Ia memberi peluang kepada anak-anak muda menghasilkan teknologi rekaan sendiri, bagi memastikan Malaysia bukan sahaja sebuah negara yang efisien tetapi juga sebuah negara yang ada teknologi, yang dapat membantu menambah nilai kepada apa yang ada pada masa ini,” katanya.

Abdullah juga berkata, penduduk Malaysia yang berbilang kaum dan menga-

malkan budaya berbeza perlu dilihat sebagai satu aset dan bukannya liabiliti.

Dalam sesi soal jawab, Perdana Menteri berkata, beliau akan meminta Suruhanjaya Pilihan Raya mengkaji kemungkinan membenarkan pelajar Malaysia di seberang laut berdaftar sebagai pengundi di Kedutaan Malaysia selain mengundi di situ.

Dalam lawatannya itu, Abdullah juga menemui Perdana Menteri Australia, John Howard di sini bagi membincangkan beberapa isu seperti alam sekitar dan perubahan iklim dunia serta soal keganasan yang akan dibangkitkan pada mesyuarat APEC yang akan datang di Sydney.

Abdullah memberitahu *Bernama* bahawa beliau menjelaskan kepada Howard mengenai lawatannya ke Darfur dan juga komitmen Presiden Sudan untuk mengatasi masalah yang dihadapi sekarang.

Beliau juga mencadangkan kepada Howard supaya Australia menghantar lebih ramai pelajarannya ke Malaysia memandangkan Malaysia juga mempunyai kemudahan pelajaran yang baik.

“Selain datang untuk menuntut ilmu, para pelajar Australia juga dapat mengalami tinggal di sebuah negara yang begitu berlainan daripada negara mereka, bukan sahaja dari segi iklim tetapi juga dari segi budaya dan masyarakat berbilang kaum,” katanya.

Abdullah berkata, beliau dimaklumkan bahawa Menteri Pelajaran Australia telah pun membuat lawatan ke Malaysia mengenai perkara itu.

Katanya, beliau turut menjemput Howard untuk menghadiri acara sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan Malaysia pada Ogos ini memandangkan Australia merupakan antara negara terawal yang menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia sejak kemerdekaan.

Perdana Menteri berlepas pulang ke tanah air malam ini.

— **Bernama**

Usaha membangunkan negara tidak ada kesudahannya. Sekalipun kita mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju, tugas untuk membaiki lagi kedudukan kita perlu diteruskan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi berjabat tangan dengan John Howard ketika mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Australia itu di Melbourne, semalam.